



Max Schubach



## Kehadapan rakan-rakan !

Ini adalah alih bahasa dari laman web [www.maxfxx.net](http://www.maxfxx.net) kepada salah satu daripada bahasa yang banyak di pertuturkan dan difahami di planet ini. Ianya menghubungkan kepada empat artikel berlainan. Laman web dan artikel tersebut malangnya merupakan satu-satunya mukasurat yang telah di alihbahasakan pada masa ini. Walaubagaimanapun, jika anda ada soalan-soalan spesifik, sila hubungi kami dan kami akan cuba untuk mencari jalan untuk menjawab soalan anda, atau menyediakan anda dengan sambungan kepada kumpulan dan manusia di kawasan anda yang mana berminat dalam Kerjadunia (Worldwork). Kami sentiasa terbuka untuk melawat anda dan memfasilitasi perjumpaan atau seminar di tempat tinggal anda, jika boleh tanpa bayaran.

Sila hubungi kami di

Max Schubach Ph.D.  
2049 NW Hoyt Street Ste 3  
Portland, OR, 97209  
voice/fax 503 210 0314  
[max@maxfxx.net](mailto:max@maxfxx.net)

## HELLO DAN SELAMAT DATANG KE MAXFXX!

Nama saya ialah **Max Schubach**. Saya bertapak di Portland, Oregon, di Amerika Syarikat. Saya bekerja sebagai fasilitator, penyelia dan juru terapi dalam bidang yang luas. Hasil kerja saya berdasarkan Kerjadunia (Worldwork) dan Kerjaproses (Processwork), satu paradigma yang di kembangkan oleh **Amy dan Arnold Mindell**. Laman ini direka khas untuk aktiviti saya sebagai perunding organisasi, fasilitator kumpulan dan jurulatih kepimpinan; dan pemahaman saya dalam Kerjadunia (Worldwork). Jika anda berminat dalam hasil kerja lain saya, sila layari [www.eminee.net](http://www.eminee.net), iaitu laman web rakan saya Ellen dan saya. Ianya memfokuskan pada Kerjaproses (Processwork) yang kita buat bersama dengan individu dan pasangan.

Pada tahun 1999, saya telah menubuhkan Maxfx Inc. Ianya adalah rangkaian virtual yang merangka pada fasilitator dan pakar perunding dari lebih 20 buah Negara, di seluruh benua, yang mana berkumpul dalam kumpulan berdasarkan projek. Kerja saya adalah berdasarkan paradigma Kerjadunia (Worldwork).

**Kerjadunia ialah satu paradigma baru untuk cara pemikiran tentang dan bekerja diantara spektrum organisasi yang lengkap dan kehidupan terkumpul. Pada terasnya ialah satu cara baru yang menyambungkan kajian dalam kesedaran hingga ke pentafsiran penemuan fizik moden. Konsep yang akan anda temui dalam [artikel pengenalan](#) dibawah, seperti Deep Democracy, Edge, Organizational Dreaming, dsb., memberi sinaran baru tentang tanggapan/persepsi pada hidup berorganisasi. Kerjadunia membenarkan pandangan pengambil bahagian, serta analisis dan fasilitasi atas kemunculan dan perubahan dalam kumpulan melalui pelbagai skala berlainan, dari proses global hingga ke acara tempatan, dan dari ruang awam ke pelbagai bentuk organisasi, termasuk perniagaan dan komuniti.**

**Keluarga Mindell** telah mengembangkan Kerjadunia, dibantu oleh pembelajaran kolektif diantara **komuniti Kerjadunia**, yang mana saya sebahagian darinya. Saya amat ghairah akan organisasi dan apa akan berlaku bila orang bekerjasama, dan kagum serta bangga akan paradigma yang saya gunakan. Saya harap saya mampu menyampaikan apa yang ada pada mukasurat berikutnya bukan hanya fakta yang perlu untuk memahami Kerjadunia, tetapi juga pengalaman peribadi yang menyeronokkan tentang paradigma ini, pengalaman saya menggunakannya, dan hasil yang membuat ianya berlaku. Kerjadunia hebat!!

Selamat melayari laman web saya. Jika anda berkegagasan dan ingin untuk mendapat pandangan ringkas tentang paradigma ini, lihat link di bawah, dan kembali bila anda mempunyai masa terluang.

**PERUBAHAN DALAM ORGANISASI, KOMUNITI, PERNIAGAAN DAN RUANG AWAM – Artikel 12 mukasurat tentang perspektif, metodologi dan sikap dalam Kerjadunia**

Tiga kes contoh yang dipilih secara rambang

**PERKEMBANGAN SYARIKAT AS/EROPAH KE CARIBBEAN – Kerja kumpulan dan Kemajmukan Mendalam pada syarikat Global 500.**

**BERKONGSI RUANG AWAM DI BANDARAYA: Komuniti perniagaan, Bandaraya Kerajaan, Polis, Mat Rempit dan kumpulan kecil bertemu di forum terbuka di Zurich, Switzerland.**

**SIAPAKAH DALANGNYA – Perkembangan organisasi di penjara: proses kumpulan banduan, pembetulan perseorangan, dan pentadbiran penjara.**

Model Kerjadunia kini sedang di kaji, dipraktikkan dan diperbaharui melalui usaha kolektif dan dialog berkumpulan. Mukasurat berikutnya mewakili pemahaman peribadi saya dan praktikal Kerjadunia. Untuk gambaran penuh tentang paradigma ini dan kebarangkalian nya, sila rujuk kepada penerbitan dan link yang di beri di laman web ini.

Seperti yang anda boleh lihat, laman web ini dan empat dokumen yang disebut diatas telah dialihbahasa kepada beberapa bahasa. Masih banyak bahasa yang terkecuali dari translasi ini. Kami memohon maaf kepada anda jika bahasa ibunda anda adalah terkecuali.

Terima kasih atas keinginan anda dan semoga anda bergembira

Max Schupbach